

Konflik Perkahwinan dan Strategi Daya Tindak Individu yang Kehilangan Pekerjaan Semasa Pandemik Covid-19: Impak kepada Kualiti Perkahwinan

Marital Conflict and Coping Strategies of Individuals Who Lose Their Jobs During the Covid-19 Pandemic: Impact Towards Marital Quality

Nuraini Nuri
¹Siti Marziah Zakaria

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: ¹siti.marziah@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kemunculan pandemik Covid-19 telah memberi impak yang besar kepada penduduk dunia akibat krisis ekonomi. Berikutan itu, terdapat ramai individu kehilangan pekerjaan semasa pandemik ini. Secara tidak langsung, masalah ini mempengaruhi institusi kekeluargaan terutamanya bagi pasangan yang telah berkahwin. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui dengan lebih mendalam berkenaan konflik yang telah dihadapi, strategi daya tindak yang digunakan untuk mengatasi konflik perkahwinan dan kesannya terhadap kualiti perkahwinan individu yang kehilangan pekerjaan semasa pandemik Covid-19. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan teknik kualitatif iaitu temubual secara mendalam berdasarkan pendekatan fenomenologi. Seramai lapan orang informan dipilih bagi mengambil bahagian dalam kajian ini melalui teknik persampelan bertujuan. Informan terdiri daripada individu yang telah berkahwin selama tiga tahun dan keatas serta dari sekitar Negeri Selangor. Temubual dilakukan secara mendalam melalui temubual separa berstruktur untuk mengumpul data kajian. Analisis kajian dijalankan dengan menggunakan prosedur Interpretive Phenomenological Analysis untuk mengekstrak tema. Hasil kajian mendapati bahawa konflik perkahwinan berpunca daripada konflik kewangan, krisis penyesuaian dan tekanan luaran. Informan menggunakan perancangan kewangan, komunikasi yang efektif dan sokongan sosial sebagai strategi daya tindak bagi mengatasi konflik perkahwinan. Kualiti perkahwinan semasa pandemik diekstraksi ke dalam tiga domain iaitu keharmonian, kebahagiaan dan toleransi. Diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak berkepentingan untuk menyokong keluarga yang terjejas secara ekonomi akibat pandemik Covid-19.

Kata kunci: konflik perkahwinan, kualiti perkahwinan, strategi daya tindak, kehilangan pekerjaan, pandemik Covid-19

ABSTRACT

The emergence of the Covid-19 pandemic has created such a huge impact on the world population to the economic crisis. As a result, there have been many individuals losing their jobs during this pandemic. Indirectly, this issue affects the family institution, especially for married couples. Therefore, this study was conducted to explore in-depth the marital conflicts that have been faced, coping strategies used to address marital conflicts, as well as their impact on the marital quality of individuals who lost their jobs during the Covid-19 pandemic. The study was conducted by using a qualitative technique which is in-depth interview based on phenomenological approach. A total of

eight informants were selected to participate in this study by purposive sampling. Informants consist of individuals who have been married for three years or above and from the State of Selangor. Interviews were conducted in-depth through semi-structured interviews to collect research data. The analysis of the study was performed by using the Interpretive Phenomenological Analysis procedure to extract the themes. The results of the study found that marital conflict stems from financial conflict, adjustment crisis, and external pressures. Informants used financial planning, effective communication, and social support as coping strategies to deal with marital conflict. Marital quality during the pandemic was extracted into three domains which were harmony, happiness, and tolerance. It is hoped that this study can benefit stakeholders to support families that have been affected economically due to the Covid-19 pandemic.

Keywords: *marital conflict, marital quality, coping strategies, job loss, Covid-19 pandemic*

1. Pengenalan

Kemunculan pandemik Covid-19 telah memberi impak kepada kehidupan manusia iaitu dari segi kesihatan fizikal dan mental, krisis penglibatan sosial serta emosi. Sehubungan itu, isu yang ingin diketengahkan adalah pandemik ini turut mewujudkan krisis ekonomi bagi seluruh dunia. Bank Dunia menerusi *Global Economic Prospects* (2020) meramalkan bahawa ekonomi global menyusut sebanyak 5.2% tahun ini disebabkan pandemik Covid-19. Kemerostan ekonomi kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat dan China turut memberi impak kepada ekonomi Malaysia. Sehubungan itu, terdapat banyak syarikat gergasi mahupun syarikat kecil menutup operasi syarikat lalu terpaksa memberhentikan pekerja mereka. Akibat krisis ini, ekonomi keluarga juga turut terjejas. Merujuk data *Loss of Employment* (LOE) menunjukkan 61 peratus rakyat Malaysia yang kehilangan pekerjaan adalah dalam kalangan pekerja berusia 40 tahun dan ke bawah, pekerja berusia 31 hingga 40 tahun pula telah menyumbang 32 peratus manakala pekerja di bawah 30 tahun sebanyak 29 peratus.

Secara tidak langsung, majoriti diantara individu yang berhadapan dengan kehilangan pekerjaan tersebut terdiri daripada individu yang telah mendirikan rumah tangga. Kedudukan ekonomi dianggap memainkan peranan penting dalam sebuah perkahwinan (Gibson-Davis, Gassman-Pines & Lehrman, 2018). Selain itu, tekanan daripada keperluan kewangan yang tidak dapat dipenuhi mampu meruntuhkan hubungan rumah tangga. Berdasarkan permasalahan tersebut, kesediaan kewangan merupakan satu nilai yang penting dalam perkahwinan dan merupakan satu nilai perlindungan daripada ketidakstabilan perkahwinan. Kualiti sebuah perhubungan yang baik menunjukkan pasangan yang mempunyai penyesuaian, kesejahteraan serta kepuasan perkahwinan yang tinggi (Javanmard & Garegozlo, 2013). Bagi individu yang berhadapan dengan krisis kehilangan pekerjaan semasa pandemik Covid-19, mereka turut berhadapan dengan isu lain iaitu termasuk konflik dalam perkahwinan dan seterusnya memberi kesan kepada kualiti perkahwinan.

Konflik yang dapat dilihat dengan jelas bagi individu yang kehilangan pekerjaan semasa Covid-19 adalah melalui cabaran status ekonomi keluarga. Ketidaktentuan ekonomi memberi risiko yang tinggi terhadap kesihatan mental bukan sahaja pada individu atau pasangan sahaja malah kepada ahli keluarga atau saudara terdekat juga (Godinic, Obrenovic & Khudaykulov, 2020). Konflik lain yang dikenal pasti dalam sebuah institusi perkahwinan adalah terhasil daripada tekanan-tekanan dalam perkahwinan. Apabila tekanan tersebut dibiarkan secara berterusan, maka konflik yang lebih besar akan timbul dan secara tidak langsung akan menjejaskan kualiti perkahwinan. Tambahan lagi, sekiranya tekanan tidak ditangani dengan baik, agak sukar untuk pasangan membina kemahiran penyelesaian masalah

bersama-sama. Menurut Cohen & Stemmer (2007), penyelesaian masalah bermaksud seseorang individu memutuskan tindakan yang akan mengubah situasi menjadi lebih baik.

Bagi menyelesaikan sesuatu masalah, kemahiran amatlah diperlukan agar seseorang itu tidak tersilap langkah dalam membuat keputusan. Ahli psikologi, Greeno (1978) telah mengklasifikasikan bahawa setiap jenis masalah memerlukan kemahiran dan pengetahuan yang berbeza untuk menanganinya. Strategi daya tindak yang tepat oleh pasangan yang telah berkahwin diharapkan dapat mengurangkan kadar penceraian yang kini semakin membimbangkan. Menerusi pendedahan daripada Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah, jumlah keseluruhan kes cerai di seluruh negara dalam tempoh 18 Mac hingga 18 Jun 2020 iaitu semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ialah sebanyak 6,569 kes. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan bagi memenuhi tiga objektif utama iaitu meneroka konflik perkahwinan, menilai kualiti perkahwinan dan mengkaji strategi daya tindak individu yang hilang pekerjaan semasa pandemik Covid-19.

2. Tinjauan Literatur

Sorotan literatur dalam kajian ini menyentuh berkenaan isu kewangan dan pekerjaan terhadap perkahwinan. Tambahan lagi, kajian berkaitan konflik perkahwinan, kualiti perkahwinan dan strategi daya tindak juga turut dirujuk. Pengkaji memperoleh pemahaman yang lebih mendalam berkaitan konsep yang dikaji hasil daripada rujukan kajian dalam negara mahupun luar negara.

2.1 Isu Kewangan dan Pekerjaan Dalam Perkahwinan

Terdapat kajian yang menyatakan bahawa masalah kewangan dalam perkahwinan bukan sahaja memberi impak kepada pasangan malah turut memberi kesan kepada seluruh ahli keluarga termasuk anak-anak. Kajian yang dijalankan oleh Daniel S. Hubler et al. (2015) memperoleh hasil kajian yang sangat menarik berkenaan tekanan kewangan dan kesan kepada hubungan. Dapatan yang hanya dihuraikan secara ringkas iaitu kehadiran tekanan kewangan keatas lelaki daripada keluarga pasangannya akan memberi kesan kepada kepuasan hubungan wanita. Sebaliknya, tekanan kewangan yang dilakukan oleh keluarga asal lelaki kepada wanita, tidak menjejaskan kepuasan hubungan lelaki. Dapat disimpulkan, lelaki mempersepsikan tekanan kewangan merupakan isu yang penting bagi menentukan kepuasan hubungan kedua-dua pasangan.

Kajian yang menjadi sumber idea seterusnya ialah berkenaan hubungan diantara materialism dengan kepuasan perkahwinan. LeBaron et al. (2018) mendapati bahawa materialisme dikaitkan secara negatif dengan kepuasan perkahwinan. Mediator yang telah dikenal pasti diantara pembolehubah dikaji ialah perasaan yang merasakan bahawa perkahwinan tersebut adalah sesuatu yang amat penting dalam kehidupan. Oleh itu, melalui kajian baru yang dijalankan oleh LeBaron et al. dapat disimpulkan kepentingan perkahwinan itu sendiri dijadikan nilai utama bagi kepuasan perkahwinan berbanding dengan kajian terdahulu yang banyak menyatakan bahawa materialisme dikaitkan dengan penurunan perasaan pentingnya akan sebuah perkahwinan. Dalam merentasi kajian-kajian lepas terdapat pelbagai corak dapatan kajian yang mendorong pengkaji untuk meneruskan kajian ini. Kebanyakan kajian yang dirujuk adalah daripada luar negara, adakah mungkin terdapat corak yang sama dikalangan masyarakat Malaysia menjadikan tanda tanya untuk merungkai setiap persoalan dan objektif kajian ini.

Seterusnya, kajian yang turut dirujuk adalah berkaitan perancangan kewangan di dalam perkahwinan oleh Muzdalifah Zulkarnain & Zaimah Ramli (2020). Kewangan dikenal

pasti sebagai medium penting keatas kepuasan perkahwinan dan kualiti hidup. Namun begitu, krisis ekonomi mencabar pada masa kini telah menimbulkan kesukaran untuk mencapai kewangan yang stabil secara peribadi dan untuk menyara keluarga. Pasangan suami isteri harus melakukan perancangan yang rapi dalam mengurus kewangan keluarga. Kesulitan kewangan dan rasa tidak puas hati dengan status kewangan seseorang boleh menyebabkan konflik perkahwinan dan perceraian. Dalam kajian ini juga menerangkan isu-isu kewangan adalah punca perselisihan yang sama dalam hubungan peribadi, perkahwinan dan keluarga. Sebagai pasangan suami isteri harus berganding bahu melaksanakan perancangan merangkumi beberapa faktor. Faktor tersebut adalah mengenal pasti sumber kewangan, membuat simpanan dan berbincang sekiranya ingin membuat pinjaman.

2.2 Konflik Perkahwinan

Kajian yang dijalankan oleh Iman Teguh et al. (2015) berkaitan tekanan kewangan, pengurusan kewangan dan kesejahteraan pada keluarga muda. Masalah kewangan merupakan masalah biasa yang dialami oleh keluarga muda. Kekurangan ekonomi sering menjadi sumber konflik antara suami dan isteri. Ini menjadikan keluarga menjadi tertekan. Pengurusan kewangan yang baik diharapkan dapat meneutralkan tekanan ekonomi yang dihadapi oleh keluarga muda sehingga ini tidak akan mengganggu proses interaksi yang boleh mempengaruhi kesejahteraan keluarga. Penyelidikan ini bertujuan untuk menganalisis tekanan ekonomi, pengurusan kewangan, kesejahteraan keluarga muda. Penyelidikan ini menggunakan reka bentuk keratan rentas yang melibatkan 120 keluarga muda dengan usia maksimum suami adalah 30 tahun dan juga mempunyai sekurang-kurangnya satu anak di bawah 6 tahun. Persampelan dilakukan dengan menggunakan pensampelan rawak berstrata dengan usia 26 isteri antara 20 tahun hingga 30 tahun di dua daerah di Kecamatan Cipayung, Kota Depok, Jawa Barat. Berdasarkan analisis regresi, hasil kajian mendapati pengurusan kewangan mempengaruhi kesejahteraan keluarga yang subjektif secara positif. Sebaliknya, tekanan ekonomi subjektif mempengaruhi kesejahteraan subjektif secara negatif.

Selain itu, kajian oleh Soffizzan (2016) bertajuk Hubungan di antara personaliti, peranan gender, komunikasi, tekanan kewangan dan kualiti perkahwinan. Tidak dapat dinafikan bahawa individu yang berkahwin akan menjalani siri perubahan dinamik dalam kehidupan. Kualiti perkahwinan dilihat akan menurun dari semasa ke semasa bergantung kepada keupayaan individu dalam menilai pasangan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji perhubungan diantara personaliti, peranan gender, komunikasi, tekanan kewangan keatas kualiti perkahwinan. Sebagai tambahan, kajian ini turut mengkaji kesan pengantara komunikasi diantara pemboleh ubah berkaitan dengan kualiti perkahwinan. Teknik persampelan bola salji digunakan dalam kajian ini untuk mencapai responden seramai 549 orang. Kriteria responden yang terlibat adalah responden beragama Islam, bekahwin dalam tempoh kurang daripada setahun dan tinggal di sekitar Lembah Klang, Selangor dan Putrajaya. Hasil kajian yang diperoleh ialah pendidikan, kestabilan emosi, openness, agreeableness, conscientiousness dan komunikasi mempunyai kaitan yang signifikan serta berhubungan positif dengan kualiti perkahwinan. Manakala, peranan gender dan tekanan kewangan mempunyai signifikan yang berhubung secara negatif dengan kualiti perkahwinan.

2.3 Kualiti Perkahwinan

Menurut kajian Marziah, et al. (2018), antara indikator penting yang dikaji ialah pegangan agama, status ekonomi, pemilihan pasangan, gaya komunikasi dan personaliti. Dapatan kajian pula menunjukkan bahawa indikator yang dikaji berkait secara signifikan dengan kualiti

perkahwinan. Kajian ini juga memberi cadangan untuk kajian akan datang iaitu meneroka dengan lebih mendalam persoalan berkaitan dengan kualiti perkahwinan. Antaranya adalah gaya komunikasi yang meningkatkan kualiti perkahwinan, cara pengurusan konflik, dan strategi penyelesaian masalah. Kajian lepas ini memberikan idea yang menarik untuk mengkaji cara pengurusan konflik dan strategi penyelesaian masalah yang akan digabungkan menjadi satu pemboleh ubah baru itu kemahiran penyelesaian masalah.

Kajian lepas oleh Brandan E. Wheeler et al. (2019) berkaitan *Economic Hardship, Financial Distress, and Marital Quality: The Role of Relational Aggression* turut dirujuk memandangkan pemboleh ubah yang terlibat adalah berkait rapat dengan kajian yang sedang dijalankan ini. Model kesukaran ekonomi (*economic hardship*) oleh Conger et al. (1990) telah mendorong pengkaji untuk menjalankan kajian bagi melihat persepsi *relational aggression* terhadap hubungan antara masalah kewangan dan kualiti perkahwinan secara serentak. Kajian ini juga merupakan kajian longitudinal yang dikaji dalam tempoh tiga tahun bermula tahun 2009 hingga 2011. Seterusnya pengkaji telah meneroka hubungan 335 pasangan yang mendirikan rumah tangga berikutan kemelesetan ekonomi semasa yang dihadapi. Dapatan kajian menerusi analisis deskriptif mendapati responden mengalami tekanan dan kesukaran 30 ekonomi yang rendah pada tahun 2009 dan 2010. Penglibatan dalam tingkah laku agresif juga adalah rendah dalam kedua-dua tahun tersebut. Lantaran itu, responden kajian juga mengalami kualiti perkahwinan yang agak tinggi bagi ketiga-tiga tahun bermula dari 2009 hingga 2011. Jelaslah bahawa kesukaran ekonomi mempunyai hubungan bukan sahaja terhadap kualiti perkahwinan malah kepada tingkah laku juga.

2.4 Strategi Daya Tindak

Kajian lepas yang dirujuk berkaitan strategi daya tindak bagi pasangan yang telah berkahwin ialah kajian berkaitan pengaruh personaliti terhadap daya tindak dalam perkahwinan oleh Nuraihan Firdaus et al. (2016). Peranan pasangan tidak dapat dinafikan adalah penting dalam menangani tekanan dalam sebuah perhubungan. Objektif utama kajian ini untuk membincangkan potensi pengaruh personaliti perfeksiisme terhadap daya tindak diadik dalam konteks perkahwinan. Berdasarkan dapatan kajian lepas, personaliti perfeksiisme dan daya tindak individu didapati saling berhubung kait. Hasil kajian juga menunjukkan seseorang yang mempunyai personaliti perfeksiisme positif atau adaptif akan mengambil pendekatan yang lebih 31 berkesan sewaktu proses menyelesaikan masalah serta mampu berkomunikasi secara konstruktif dengan pasangan berbanding individu yang mempunyai personaliti perfectionist maladaptive. Jelas menunjukkan bahawa personaliti turut memainkan peranan yang penting dalam menjadikan seseorang individu menjadi celik akal dan mampu berkomunikasi dengan baik untuk menyelesaikan masalah.

Pola komunikasi dalam keluarga merupakan kajian yang turut dirujuk bagi menyokong kajian yang dijalankan ini. Menurut kajian Rahmawati & Muragmi Gazali (2018), komunikasi dalam keluarga bukan sahaja dianggap sebagai medium untuk menyampaikan informasi. Malah ia turut memberi impak kepada proses perkembangan emosi ahli keluarga. Setiap ahli keluarga memainkan peranan yang penting dalam memahami diri sendiri serta memahami perasaan orang lain. Pola komunikasi yang diberi perhatian dalam kajian ini ialah pola komunikasi otoriter, pola komunikasi permisif dan pola komunikasi demokratis. Hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga pola komunikasi ini memberi kesan yang berbeza dalam pembentukan tingkah laku dan perkembangan emosi ahli keluarga terutamanya anak-anak. Oleh itu, pengkaji menyarankan bahawa ibu bapa harus menerapkan pola komunikasi yang sesuai mengikut situasi keluarga masing-masing dan mungkin berbeza dengan keluarga yang lain. Secara tidak langsung, pola komunikasi amat memberi kesan

yang mendalam berkaitan cara digunakan untuk menyelesaikan sesuatu masalah dalam sebuah keluarga.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual secara mendalam berdasarkan pendekatan fenomenologi. Menurut Fauziah Ibrahim, et al. (2019), fenomenologi merupakan kajian keatas sekumpulan individu yang berhadapan dengan pengalaman serupa tentang sesuatu peristiwa atau fenomena. Intipati yang dititik beratkan adalah berkenaan pengalaman berhadapan fenomena. Penyelidik fenomenologi akan berusaha untuk memahami maksud sesuatu kejadian serta interaksi orang awam dalam situasi tertentu. Bagi menjawab setiap persoalan dan memenuhi objektif kajian, kaedah temu bual separa-struktur telah digunakan. Struktur soalan temubual merangkumi empat bahagian iaitu latar belakang demografi, pertanyaan berkaitan konflik perkahwinan, kualiti perkahwinan dan strategi daya tindak yang digunakan untuk mengatasi konflik perkahwinan yang dihadapi. Seramai 8 orang informan telah terlibat dalam kajian ini terdiri daripada lima orang informan lelaki dan tiga orang informan wanita yang tinggal disekitar Negeri Selangor. Kajian ini juga turut menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Kriteria informan yang terlibat hendaklah telah kehilangan pekerjaan semasa pandemik Covid-19 dan tempoh perkahwinan adalah tiga tahun dan keatas. dapatan kajian yang diperolehi telah dianalisis menggunakan prosedur. Seterusnya, dapatan kajian yang diperolehi telah dianalisis menggunakan prosedur *Intepretative Phenomenological Analysis* bagi mendapatkan tema-tema daripada data mentah hasil daripada temubual bersama informan.

4. Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan yang diperolehi hasil daripada temubual yang dijalankan. Pengkaji membahagikan hasil kajian yang diperolehi kepada beberapa bahagian iaitu konflik perkahwinan, kualiti perkahwinan dan strategi daya tindak yang melibatkan individu kehilangan pekerjaan semasa pandemik Covid-19. Kesemua hasil kajian dibahagikan mengikut tema perbualan yang berbangkit dalam transkrip temu bual bersama informan terpilih. Setiap tema juga disokong oleh petikan temu bual informan bagi menerangkan dengan lebih terperinci dan mendalam mengenai maksud analisis tema.

4.1 Demografi Informan

Berdasarkan temubual yang dijalankan, seramai 8 orang informan telah ditemubual iaitu terdiri daripada 5 orang lelaki dan 3 orang wanita. Informan merupakan individu yang telah kehilangan pekerjaan semasa pandemik Covid-19 dan kesemua informan tinggal di sekitar Negeri Selangor. Umur informan yang terlibat pula adalah diantara 26 tahun hingga 51 tahun. Tempoh perkahwinan informan pula diantara 3 hingga 26 tahun. Bagi bilangan anak, informan pertama mempunyai seorang anak, informan ke-7 dan ke-8 mempunyai dua orang anak, informan ke-3, ke-4, ke-5, ke-6 mempunyai tiga orang anak serta informan ke-2 mempunyai lima orang anak. Pekerjaan yang diceburi oleh informan sebelum diberhentikan adalah kesemuanya bekerja di syarikat swasta serta terdapat beberapa orang informan merupakan golongan badan profesional seperti pernah bekerja sebagai jurutera, konsultan dan akauntan.

JADUAL 1. Maklumat demografi informan

Informan	Jantina	Umur	Tempoh Perkahwinan	Bilangan Anak	Pekerjaan Sebelum Diberhentikan
1	Lelaki	26	3	1	Juru Ukur Bahan
2	Lelaki	51	27	5	Konsultan Projek
3	Lelaki	40	14	3	Pegawai Khidmat Pelanggan
4	Perempuan	36	17	3	Kerani Syarikat Logistik
5	Lelaki	38	9	3	Jurutera
6	Perempuan	36	12	3	Pekerja Hotel
7	Lelaki	30	9	2	Juru Ukur Bahan
8	Perempuan	46	20	2	Akauntan Syarikat Pelancongan

4.2 Konflik Perkahwinan

Konflik diantara pasangan boleh berpunca daripada keganasan secara verbal atau fizikal, ciri-ciri keperibadian dan tingkah laku. Ketidaksamaan yang dirasakan dalam pembahagian kerja atau tanggungjawab turut menjadi penyebab konflik dalam rumah tangga. Dalam kajian ini, analisis temu bual mendapati bahawa terdapat beberapa tema yang diperolehi daripada konflik perkahwinan hasil daripada maklumat yang disampaikan oleh informan. Tema-tema yang dikenal pasti ialah i) konflik kewangan, ii) krisis penyesuaian dan iii) tekanan luar yang dihadapi oleh individu yang kehilangan pekerjaan semasa pandemik Covid-19.

4.2.1 Konflik Kewangan

Permasalahan utama apabila diberhentikan kerja adalah kehilangan punca pendapatan. Bagi individu yang telah berkahwin, kehilangan punca pendapatan bukan sahaja memberi kesan kepada diri sendiri malah turut memberi kesan kepada pasangan dan keluarga. Majoriti informan yang terlibat adalah lelaki iaitu seramai 5 orang dan 4 daripada mereka mempunyai pasangan berstatus suri rumah sepenuh masa. Maka, tugas mencari pendapatan sebelum berlakunya pandemik Covid-19 adalah digalas sepenuhnya oleh informan sebagai seorang ketua keluarga. Apabila informan diberhentikan kerja, sumber pendapatan keluarga turut terjejas. Perkara ini diakui sendiri oleh informan ke-5 dengan menyatakan:

Cabaran kewangan yang paling mempengaruhi saya. Memang terasa sangat. Sebabnya saya sahaja yang bekerja, *wife* tak kerja. Kalau masalah lain tak ada apa sangat. Sebab bila tengok balik masalah lain tu dia akan *relate* balik dengan faktor

kewangan. Contohnya, kalau masalah tak boleh nak beli barang keperluan atau kemahuan. Boleh jadi konflik. Dan itu pon akan berbalik kepada kewangan semula.

(Informan 5)

Pengkaji mendapati beban hutang merupakan salah satu faktor yang turut menyumbang dalam konflik kewangan informan dan pasangan. Kehilangan pekerjaan sudah cukup menjadi satu cabaran yang besar buat informan ketika musim pandemik ini. Situasi menjadi lebih sukar apabila harus tetap membayar pinjaman kepada pihak bank bagi bayaran kenderaan dan rumah, pinjaman peribadi serta hutang pada kenalan sedangkan punca pendapatan telah hilang. Daripada 8 informan, 4 informan merasakan hutang turut menjadi beban dalam kehidupan rumah tangga mereka. Antaranya, situasi ini dihadapi oleh informan ke-7:

Tapi dalam proses menghadapi tu berlaku tekanan. Tekanan paling besar adalah hutang. Saya ada hutang personal, 3 kad kredit. 3 kad kredit ni hari-hari kejar. Masa tu saya rasa dunia ni jadi gelap, rasa macam dah nak berakhir semuanya. Kalau pinjam bank okay lagi, kalau dah nama aeon credit, fuhhh memang dia kejar macam Ah Long tu, cuma tak simbah cat. Memang sikit lagi lah saya kena isytihar muflis.

(Informan 7)

Simpanan atau tabungan kecemasan amatlah berguna ketika terjadi perkara yang tidak dijangka dalam kehidupan. Majoriti informan menyatakan bahawa mereka tidak menjangkakan akan kehilangan pekerjaan semasa pandemik Covid-19 ini terjadi. 3 daripada 8 informan menggunakan simpanan dan pampasan yang diperoleh daripada majikan untuk meneruskan kelangsungan hidup bagi menampung perbelanjaan keluarga. Namun begitu, pendekatan ini hanya boleh digunakan dalam tempoh masa tertentu sahaja bergantung pada individu. Bagi menggunakan wang simpanan untuk jangka masa panjang tanpa ada kemasukan pendapatan bakal menimbulkan konflik baru diantara pasangan suami isteri seperti yang dinyatakan oleh informan ke-8:

Akak dan suami memang dua-dua dah tak kerja. Akak adalah buat sikit *part time* dekat syarikat lama. Dapat lah dua tiga ratus sebulan. Selebihnya kami guna duit pampasan company bagi, EPF dan i-sinar tu untuk belanja makan, bayar kereta dan rumah. Tapi akak sendiri rasa untuk lagi lima enam bulan memang tak cukup. Lagi lah kalau tiba-tiba kerja *part time* dah tak nak pakai akak. Masa tu boleh *interview* akak lagi sekali sebab mesti ada masalah baru. Gitulah akak rasa .

(Informan 8)

4.2.2 *Krisis Penyesuaian*

Krisis penyesuaian merupakan tekanan atau masalah dalaman yang berpunca daripada diri sendiri atau daripada pasangan iaitu suami atau isteri. Berdasarkan pandangan Haliza, et al (2012), faktor dalaman berlakunya konflik rumah tangga terbit dari dalam diri berkaitan dengan keadaan jiwa, emosi dan perasaan. Menurut Igbo, et al. (2015), konflik biasanya dimanifestasikan sebagai pergaduhan, kemarahan, pencerobohan, kekerasan, atau kebencian. Krisis penyesuaian rumah tangga ini amat membimbangkan sekiranya tidak dapat diatasi dengan baik kerana sedikit demi sedikit mampu meruntuhkan institusi kekeluargaan.

Dalam kes informan kajian, masalah berpunca daripada diri sendiri menyebabkan konflik dalam rumah tangga. Informan merasakan ciri-ciri keperibadian atau personaliti mereka menyebabkan timbulnya permasalahan dengan pasangan serta kesukaran untuk menyelesaikan isu berbangkit dalam perkahwinan seperti yang dinyatakan informan pertama:

Konflik tak ada sangat, konflik yang ada mungkin sebab saya jenis yang pendiam dan jarang *share* masalah dengan *wife* saya. Kalau ada masalah saya selesaikannya

sendiri, saya jarang berbincang dengan *wife*. Lepas tu saya jenis yang suka menyendiri dan pendam masalah, tak cerita dekat *wife*. Tapi dalam pada masa yang sama saya nak *wife* saya faham saya *hahaha*. Kadang sebab tu hubungan jadi dingin *or* bergaduh. Saya sedar lah dekat situ kekurangan saya. Saya akan cuba untuk berubah jadi lebih terbuka.

(Informan 1)

Selain krisis yang wujud disebabkan masalah daripada diri sendiri, pasangan yang tidak memahami akan keadaan yang dihadapi informan juga turut menjadi krisis rumah tangga. Individu yang berhadapan kehilangan pekerjaan bakal mengalami kesukaran untuk beradaptasi dengan situasi baru tidak bekerja atau mengalami kesulitan untuk menyesuaikan diri dengan pekerjaan baru. Apabila informan berada dalam keadaan tersebut lalu dalam pada masa yang sama pasangan tidak memahami informan, maka konflik akan berlaku seperti yang dinyatakan oleh informan ke-4:

Bila akak berhenti kerja. Suami marah, ada sedikit *argument*. Sebab *husband* tanya, kalau *you* berhenti macam mana nak *survive*, gaji dia cuma cukup-cukup makan. Tapi dia tak faham apa yang kita hadapi dekat tempat kerja. Kerja yang akak berhenti ni kira baru je lah akak kerja situ. Bila salah proses barang *customer* tu kita kena ganti rugi. So duit habis dekat situ. Taska pula buka *on off* tapi masih kena bayar *full*. Dengan masa tu akak mengandung lagi, penat. Kena urus anak PDPR lagi. Semua tu buat akak *stress* untuk terus kerja. Tapi suami tak faham keadaan ni.

(Informan 4)

Krisis penyesuaian yang berbangkit antara pasangan suami isteri adalah perselisihan faham disebabkan hal-hal remeh dan kecil, namun ia boleh membawa kepada pergaduhan. Hal remeh pada pandangan informan adalah berkenaan tugas-tugas rumah yang tidak dikerjakan oleh informan sendiri atau pasangan, misalnya baju tidak berlipat, pinggan mangkuk tidak dibasuh dan berbagai lagi. Pergaduhan yang dimaksudkan oleh informan pula bukanlah dalam bentuk satu pergaduhan yang besar tetapi hanya dalam bentuk pergaduhan kecil seperti menarik muka, bermasam muka, bertikam lidah atau tidak bertegur sapa. 4 daripada 8 informan yang ditemu bual menghadapi konflik ini. Pernyataan ini selari dengan perkongsian yang diberikan oleh informan ke-8:

Gaduh-gaduh besar sebab tak cukup makan tak cukup duit tu tak de lagi. Alhamdulillah. Kadang-kadang ada gaduh sikit-sikit sebab benda-benda kecil. Macam akak ni jenis mudah menangis kalau dah penat kan. Kadang kita dah penat-penat masak, suami tak tolong pun basuh pinggan sebab malas. Tak ada lah bermasam muka sehari-hari. Sehari je biasanya lepastu suami tolong, dah okay dah.

(Informan 8)

4.2.3 Tekanan Luar

Tekanan luar tertumpu kepada punca atau aspek luaran perkahwinan iaitu selain diri sendiri atau pasangan. Aspek tersebut boleh terhasil daripada pihak lain atau faktor lain seperti permasalahan yang berada di persekitaran dan kehidupan pasangan suami isteri. Menurut Nurul Naiman, et al. (2018), konflik rumah tangga terhasil daripada tekanan keluarga iaitu ketidakseimbangan di antara tuntutan dan kemampuan keluarga untuk memenuhi tuntutan tersebut. Apabila tekanan laur ini berlaku, ia bukan sahaja harus dihadapi oleh suami isteri malah turut melibatkan anak-anak.

Tidak mudah untuk berhadapan dan beradaptasi dengan kehidupan norma baharu semasa pandemik Covid-19. Terdapat pelbagai *Standard Operating Procedures* (SOP) yang perlu dipatuhi untuk memutuskan rantaian wabak ini. Situasi ini bukan sahaja harus difahami dan diaplikasikan oleh suami dan isteri sahaja malah harus diterapkan kepada anak-anak juga.

Gaya hidup dalam keluarga yang diamalkan sebelum pandemik harus diubah seperti yang dinyatakan oleh informan ke-3:

Macam sebelum ni jenis kehidupan keluarga saya adalah hari-hari makan dekat luar sebab saya kesian *wife* saya balik rumah kena masak lagi berkecah dapur. So saya *prefer* makan dekat luar. Hujung minggu *shopping* dengan anak-anak atau pergi bercuti. Bila covid ni kita kena ubah *life style* kita. Dalam pada masa yang sama fahamkan anak-anak situasi pandemik dan situasi kewangan kita juga sebab mereka pon bosan dekat rumah. (Informan 3)

Kehadiran masalah yang tidak dijangka serba sedikit turut menimbulkan tekanan kepada informan. Apabila informan harus berhadapan dengan masalah yang tidak pernah diduga atau diluar ekspektasi mereka, beban keatas tekanan yang ditanggung turut bertambah sedangkan tekanan yang telah wujud sudah pun menyukarkan mereka. Berdasarkan hasil data temu bual, antara masalah yang tidak dijangka adalah dikenakan saman akibat kesalahan pihak ketiga namun informan harus menanggungnya juga seperti yang dinyatakan informan pertama:

Masalah luar seperti saya kena saman JPJ sampai harus pergi ke Ipoh sebab saya jual motor dekat orang dan orang tu kena saman dan saya juga sebagai pemilik kena saman. Agak tertekan juga lah masa tu. Sebab leceh saya dari Selangor kena ulang alik Ipoh untuk *settle* kan hal tu. (Informan 1)

4.3 *Kualiti Perkahwinan*

Berdasarkan analisis temu bual yang telah dijalankan, walaupun informan berhadapan dengan pelbagai konflik namun perkara itu tidak banyak menjejaskan kualiti perkahwinan mereka malah sebaliknya mereka merasakan terdapat hikmah yang tersembunyi walaupun diuji dengan cabaran kehilangan pekerjaan khususnya di musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang ditetapkan oleh kerajaan ini. Menurut Javanmard & Garegozlo (2013), kualiti hubungan perkahwinan yang baik merujuk kepada pasangan yang mempunyai penyesuaian, kesejahteraan dan kepuasan perkahwinan yang tinggi. Kualiti perkahwinan dalam kajian ini dilihat daripada tiga aspek iaitu i) keharmonian, ii) kebahagiaan dan ii) toleransi.

4.3.1 *Keharmonian*

Keharmonian perkahwinan akan memberi impak juga kepada keharmonian sesebuah keluarga sama ada keluarga nuklear mahupun keluarga besar. 6 daripada 8 informan menyatakan bahawa keharmonian dalam keluarga masih dapat dikecapi walaupun terpaksa berhadapan dengan kehilangan pekerjaan semasa pandemik Covid-19. Kehilangan pekerjaan semasa musim pandemik serta dalam pada masa yang sama kerajaan menyarankan rakyat untuk menghadkan pergerakan membuatkan informan mengambil pendekatan untuk berada dirumah disamping keluarga. Menjadi satu kelebihan bagi individu yang tinggal bersama dengan keluarga besar seperti tinggal bersama ibu dan ayah mereka selain daripada turut tinggal bersama isteri dan anak. Secara tidak langsung, semasa berada di rumah dapat turut membantu meringgankan tugas ibu bapa dan isteri seperti yang dimaklumkan oleh informan pertama:

Saya banyak masa di rumah lepas berhenti kerja dan cuba pekerjaan baru ni. Saya pula tinggal sekali dengan mak ayah saya. Jadi musim Covid ni dan *work from home*, sikit-sikit saya dapat bantu mak ayah saya dekat rumah. Buat apa yang patut. *Wife* saya pula jenis yang kalau boleh 24 jam nak melekat dekat saya. *So far* Alhamdulillah harmoni semuanya, syukur dapat dekat dengan *family*. (Informan 1)

Keharmonian perkahwinan dapat dikekalkan sekiranya pasangan suami atau isteri tidak menimbulkan masalah dalam rumah tangga. Masalah daripada diri sendiri merupakan satu masalah yang dapat dikawal dan dielak agar tidak mengeruhkan suasana rumah tangga yang mungkin mempunyai masalah sampingan lain. Informan menyatakan bahawa apabila tidak menimbulkan masalah dengan pasangan maka keharmonian rumah tangga dapat dirasai selaras dengan pernyataan informan ke-2:

Bagi saya perkahwinan harmoni bila tak cuba timbulkan masalah. Macam saya ni jarang buat masalah. Kalau isteri ni biasanya yang buat dia tak de mood bila tak ada duit. Jadi saya akan bagi keperluan dia bagi duit belanja. Duit yang saya guna cuma untuk rokok dan mengeteh. Lain semua bagi isteri. Saya cukup tak faham dengan suami yang susah sangat nak bagi duit dekat isteri. (Informan 2)

4.3.2 *Kebahagiaan*

Kualiti perkahwinan dapat diperoleh sekiranya pasangan suami isteri merasakan kebahagiaan rumah tangga. Rata-rata 7 daripada 8 informan menyatakan bahawa mereka masih kekal bahagia dengan rumah tangga yang dibina walaupun telah kehilangan pekerjaan semasa pandemik Covid-19 yang penuh cabaran ini. Menurut kajian lepas yang dipetik daripada artikel jurnal Siti Marziah Zakaria, et al. (2019), perkahwinan yang berkualiti dikaitkan dengan pelbagai konsep asas seperti kebahagiaan, kesejahteraan, kepuasan dan kestabilan hubungan antara suami dan isteri. Jelas menunjukkan bahawa kebahagiaan merupakan salah satu indikator penting kualiti perkahwinan.

Bagi penganut agama Islam, aktiviti kerohanian yang boleh dijalankan bersama keluarga adalah solat berjemaah. Informan percaya bahawa aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan serta menambahkan kebahagiaan dalam rumah tangga. Bersama-sama seisi keluarga mendekatkan diri kepada Pencipta menjadi salah satu kaedah yang digunakan untuk menyerahkan segala kesulitan yang dihadapi keluarga kepada yang Maha Kuasa. 3 daripada 8 informan menggunakan kaedah ini bersama keluarga mereka antaranya adalah informan ke-3 sepertimana yang dikongsikan:

Tapi okaylah, sekarang ni dapat lebih banyak sembahyang jemaah bersama. Sebelum ni nature kerja saya kerja shift, jadi untuk sembahyang jemaah susah. Sekarang, terawih pun kami buat dekat rumah sahaja berjemaah sebab ada anak kecil susah kalau bawa ke surau dengan musim Covid ni. Kita orang Islam untung dari segi itulah. Ada solat jemaah untuk rapatkan hubungan kekeluargaan dan wujudkan kebahagiaan dalam rumah tangga sebab semuanya bergantung dan serah pada Allah. Saya ajar anak-anak saya macam tu juga. (Informan 3)

Setiap manusia pasti ingin rasa dihargai dan juga perlu menghargai orang lain. Menghargai adalah sesuatu yang mudah diucapkan namun tidak mudah untuk dilakukan lebih-lebih lagi diantara pasangan suami isteri. Situasi sedikit berbeza yang dihadapi oleh informan keenam kerana harus menjalani perkahwinan jarak jauh dengan pasangan akibat tuntutan kerja pasangan. Apabila informan berhadapan dengan situasi ini, informan serta pasangan merasai lebih menghargai diantara satu sama lain serta turut faktor mengukuhkan kebahagiaan perkahwinan walaupun berjauhan, situasi ini sejajar dengan pernyataan informan ke-6:

Sebelum ni kerja sama-sama, sekarang kami dah berjauhan. Benda ni buat kami lebih menghargai satu sama lain lagi-lagi bila dia tak ada. Kita tak akan sedar untuk rasa macam ni bila dia ada. Mungkin satu hari InsyaAllah kita lebih menghargai kehadiran dia bila nanti dah boleh duduk sama-sama macam dulu. Ni sahaja yang

kami boleh pegang untuk kekalkan kebahagiaan *each other*. Yang lain semua dah susah nak buat sebab dia tak ada dekat depan mata. (Informan 6)

4.3.3. *Toleransi*

Berleransi antara pasangan merupakan faktor yang turut mengukuhkan kualiti perkahwinan informan. Menurut Nur Faezah Musthapar, Raihanah Hj Azahari & Bahiyah Ahmad (2020), menjaga akhlak dan perlakuan seperti bertoleransi dan memahami antara suami isteri dapat menjamin kualiti perkahwinan dibina. Sebagai seorang suami serta perlu bekerja untuk mencari nafkah adalah bukan alasan untuk tidak dapat membantu menguruskan rumah tangga walaupun isteri seorang suri rumah sepenuh masa. Informan ke-5 merupakan seorang yang bekerjaya namun tetap membahagikan masa untuk menolong meringankan beban isteri seperti memasak untuk keluarga. Setelah diberhentikan kerja, informan tidak ralat untuk melakukan kerja-kerja rumah kerana telah terbiasa:

Saya yang masak dekat rumah hari-hari. Dulu masa masih kerja pon saya masak. Okay je boleh terima sekarang ni dah tak kerja untuk tolong-tolong isteri. Masak dah memang saya buat. Melayan anak juga kadang-kadang. (Informan 5)

Setiap individu tidak terlepas daripada menghadapi masalah. Masalah boleh terjadi dalam pelbagai bentuk dan aspek. Sebagai pasangan suami isteri adalah lebih baik sekiranya mampu bertoleransi dengan masalah yang dihadapi oleh pasangan masing-masing dengan cara cuba untuk membantu pasangan dalam menangani masalah tersebut. Informan ke-7 berkongsi bahawa isteri informan sentiasa membantu perjalanan kerjayanya dari dahulu sehingga kini:

Masa saya kena buang kerja awal dulu saya buat part time. Sebelum tu saya kontraktor dan pernah jadi konsultan. Saya agak serabut dengan kerja perlukan details ni. Dia sanggup tolong saya sampai buat report-report saya. Dia sangat membantu, tak pernah berkira. (Informan 7)

4.4. *Strategi Daya Tindak*

Setiap individu atau pasangan suami isteri mempunyai strategi daya tindak tersendiri bagi mengatasi konflik yang berbangkit dalam rumah tangga. Menurut Bammekke & Eshiet (2018), konflik dalam perkahwinan apabila diuruskan sebaiknya boleh membawa kesan positif iaitu membolehkan pasangan saling mengenali antara satu sama lain, saling memahami dan mengembangkan rasa perpaduan yang lebih kuat. Sehubungan itu, terdapat tiga tema utama yang telah dikenal pasti oleh pengkaji berkenaan strategi daya tindak yang diggunakan oleh informan iaitu i) perancangan kewangan, ii) komunikasi efektif dan iii) sokongan sosial.

4.4.1 *Perancangan Kewangan*

Perancangan kewangan harus dilakukan dengan baik melalui cara mengenal pasti sumber kewangan sedia ada oleh kedua-dua pasangan suami isteri. Pampasan yang diperoleh daripada majikan semasa diberhentikan kerja dan wang simpanan menjadi sumber kewangan yang digunakan untuk memenuhi keperluan hidup sebelum memperoleh pekerjaan baharu. Selain itu, pengurusan perbelanjaan perlu dilakukan bagi menjimatkan kos sara hidup. Kenyataan ini sejajar dengan perkongsian yang diberikan oleh informan ke-5:

Buat masa ni saya taka da pendapatan sampingan dan kini hanya bergantung kepada duit pampasan pekerjaan dan duit *saving*. Untuk pastikan duit cukup untuk

perbelanjaan keluarga, saya cuba atasi dengan atur balik perbelanjaan. Mungkin apa yang kurang perlu kita keluarkan dari *list* perbelanjaan. Contohnya, macam baju. Kita pakai je baju apa yang ada, tak perlu tambah-tambah lagi untuk sementara ni. Mungkin sebelum ni kita pakai kelengkapan rumah yang agak mahal, jadi kita cuba kurangkan lah. Mungkin dari segi kuantitinya ke. (Informan 5)

4.4.2 *Komunikasi Efektif*

Komunikasi merupakan strategi yang berkesan dalam menyelesaikan masalah dalam rumah tangga mahupun dalam sesebuah keluarga. Kesemua 8 orang informan menyetujui bahawa komunikasi adalah kaedah yang terbaik mereka gunakan. Menurut Suzana Mohd Hoesni, Jamiah Manap & Ezarina Zakaria (2017), Komunikasi positif merupakan asas utama dalam sebuah perkahwinan yang teguh. Selain itu, komunikasi bersemuka didapati digunakan untuk mengeratkan perhubungan pasangan berkahwin dengan berjenaka, berkomunikasi secara positif dan menyelesaikan konflik.

Berdasarkan kaedah dan pendekatan komunikasi yang pelbagai, komunikasi dua hala adalah merupakan kaedah yang paling efektif serta sesuai digunakan dalam menyelesaikan masalah rumah tangga. Tidak semua individu mempunyai kemahiran ini kerana ia memerlukan kerjasama kedua-dua belah pihak iaitu suami dan isteri. Sekiranya salah seorang hanya berdiam diri maka masalah yang dihadapi tidak dapat diselesaikan dengan sempurna selaras dengan pernyataan yang diberikan oleh informan ke-4:

Macam saya kadang-kadang malam keluar lepak mamak, berdua luangkan masa sama-sama. Saya apa-apa akan selalu berbincang dengan suami begitu juga sebaliknya. Sebab kita dalam keluarga kena ada *two way communication*. Tak boleh seorang yang bercakap, seorang diam. Macam mak dan bapa saya. Ada masalah luah kat anak, tapi diaorang serumah seorang utara, seorang selatan. Dari situ kita Nampak dah kegagalan komunikasi. (Informan 2)

4.4.3 *Sokongan Sosial*

Semasa berhadapan dengan pelbagai krisis kehidupan, agak sukar sekiranya menyelesaikan krisis yang timbul seorang diri tanpa bantuan orang lain. Berdasarkan penelitian pengkaji, sokongan yang diberikan oleh pasangan atau keluarga informan semasa informan berhadapan dengan masalah kehilangan pekerjaan adalah amat membantu meringankan beban informan. Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) terhadap anak-anak sebenarnya memerlukan kos yang tinggi dikeluarkan oleh ibu bapa bagi menyediakan kelengkapan dan kemudahan pelajaran. Namun begitu, atas bantuan daripada keluarga dengan memberi sumbangan komputer riba dapat meringgankan beban kewangan informan seperti yang dinyatakan oleh informan ke-3:

Keluarga memang banyak bantu. Even masa sibuk PDPR pun adik saya tolong bagi anak-anak saya laptop. Kebetulan dia bidang komputer, jadi ada komputer dia betul-betulan sikit lepastu dia bagi. Tapi tak semua orang untung macam tu.

(Informan 3)

5. **Rumusan dan Cadangan**

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya menjawab setiap persoalan dan memenuhi objektif kajian. Setiap rumah tangga tidak akan terlepas daripada menghadapi konflik. Menurut Norhayati Hamzah (2006), konflik rumah tangga berlaku apabila timbul perselisihan atau pertentangan pendapat, kehendak serta perancangan di antara suami isteri sekaligus

mengganggu sistem keharmonian sesebuah rumah tangga. Selain itu, konflik perkahwinan boleh berlaku dalam pelbagai bentuk yang disebabkan oleh perbezaan, kepercayaan, ideologi, fahaman, adat istiadat, kepentingan diri atau kaum dan sebagainya (Bharuddin Che Pa & Ajidar Matsyah. 2013). Walaupun kesemua informan mengalami beberapa konflik rentetan kehilangan pekerjaan semasa pandemik Covid-19, namun isu tersebut tidak banyak menjejakan kualiti perkahwinan mereka, malah memberi impak positif kepada keharmonian dan kebahagiaan rumah tangga. Saling bertoleransi diantara pasangan merupakan salah satu indikator penting dalam membentuk kualiti perkahwinan yang baik. Menurut Amato, Johnson & Rogers (2000) kualiti perkahwinan adalah melibatkan tiga dimensi utama iaitu kebahagiaan bersama pasangan, interaksi bersama pasangan dan pemikiran untuk bercerai.

Selanjutnya, penghubung dalam menghadapi konflik perkahwinan yang mencabar dengan ingin memastikan kualiti perkahwinan adalah baik ialah bergantung kepada strategi daya tindak yang digunakan oleh kedua-dua pasangan suami isteri. Setiap pasangan pasti mempunyai kaedah yang berbeza dalam menyelesaikan masalah rumah tangga. Namun begitu, kunci paling utama adalah melalui komunikasi yang berkesan. Komunikasi akan membawa kepada kesepakatan dalam perbincangan, pembentukan idea atau pendapat dan seterusnya kesefahaman akan diperolehi. Menurut Cohen & Stemmer (2007) berpendapat bahawa strategi daya tindak adalah proses yang melibatkan aktiviti kreatif oleh seseorang individu serta menegaskan bahawa semua proses kreativiti adalah merupakan penyelesaian masalah.

Hasil daripada kajian ini turut bakal memberi manfaat kepada pihak berkepentingan antaranya adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dimana pihak ini boleh mencari inisiatif yang lagi baik untuk membantu komuniti mencapai kualiti perkahwinan yang lebih baik agar kehidupan individu, keluarga dan masyarakat lebih sejahtera. Pihak berkepentingan juga boleh memberi sokongan kepada keluarga yang terjejas dari sudut ekonomi. Tambahan lagi, kementerian dapat membuka platform yang lebih luas bagi membantu serta mengenal pasti keluarga yang berhadapan dengan kehilangan punca pendapatan akibat kehilangan pekerjaan semasa pandemik Covid-19 sehingga tidak mampu membeli keperluan asas keluarga. Selain itu, pasangan suami isteri lain yang turut menghadapi masalah yang sama boleh turut mengetahui strategi daya tindak berkesan yang dipraktikkan oleh informan kajian.

Limitasi kajian ini adalah kajian hanya dijalankan dalam skop yang kecil dan berkemungkinan hasil dapatan kajian tidak dapat digenerealisasikan dalam populasi. Tambahan lagi, kualiti perkahwinan yang diulas adalah terlalu meluas dan tidak spesifik berbanding menggunakan inventori soal selidik kualiti perkahwinan. Sehubungan itu, cadangan yang dapat diberikan untuk penambahbaikan kajian pada masa datang adalah memperbesarkan lagi sampel kajian kerana berkemungkinan terdapat isu-isu baru yang bakal ditemui. Tambahan lagi, pengkaji akan datang juga boleh menggunakan pendekatan kajian yang baharu iaitu campuran pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif dapat digunakan bagi melihat dengan lebih jelas tentang kualiti perkahwinan misalnya dengan menggunakan alat ujian *Marital Adjustment Test (MAT)*, *Kansas Marital Satisfaction Scale (KMSS)*, *Quality Marriage Index (QMI)* dan sebagainya.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang membiayai kajian ini. Kod penyelidikan ialah FRGS/1/2020/SS0/UKM/02/29. Terima kasih juga kepada pihak pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

(FSSK), Sekretariat Penyelidikan dan Inovasi, CRIM dan semua yang telah memberikan sokongan dan kerjasama kepada geran penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdullah, N. H., Hassan, N. A., Harun, A. S. A., Nayan, L. M., Ahmad, R., & Rosli, M. M. (2017). Conflict Management among Malay Married Couples: An Analysis on Their Strategies & Tactics. *Asian Social Science*, 13(10), 95. <https://doi.org/10.5539/ass.v13n10p95>
- Alsemgeest, L., & Grobbelaar, C. (2015). Spouses' views of gender roles: financial management in marriage. *Journal of Economic and Financial Sciences*, 8(3), 843–860. <https://doi.org/10.4102/jef.v8i3.125>
- Asila Nur Adlynd, & Siti Marziah Zakaria. (2019). Konflik , Penyesuaian Hidup dan Kualiti Perkahwinan pada Awal Usia Perkahwinan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(December), 1–16.
- Cahyanti, S. N. (2017). Damapak Campur Tangan Orang Tua Terhadap Rumah Tangga Anak (Studi Kasus Tentang Pasangan Suami Istri yang Mengalami Ketidakharmonisan Dalam Kehidupan Rumah Tangga di Desa Panerusan Kulon Kecamatan Susukan Kabupaten Banjarnegara). *Sains Insani*, 1–18. <http://digilib.uinsby.ac.id/16362/6/Bab2.pdf>
- Carlson, D. L., & Kail, B. L. (2018). Socioeconomic variation in the association of marriage with depressive symptoms. *Social Science Research*, 71(December 2016), 85–97. <https://doi.org/10.1016/j.ssresearch.2017.12.008>
- Chapman, B., & Guven, C. (2016). Revisiting the Relationship Between Marriage and Wellbeing: Does Marriage Quality Matter? *Journal of Happiness Studies*, 17(2), 533–551. <https://doi.org/10.1007/s10902-014-9607-3>
- Dew, J. (2020). Ten Years of Marriage and Cohabitation Research in the Journal of Family and Economic Issues. *Journal of Family and Economic Issues*, Jamison 2018. <https://doi.org/10.1007/s10834-020-09723-7>
- Farhana Baharudin, D., Hamdani, S. M., Munira, M., Mutalib, A., Zaliridzal Zakaria, M., Kaunseling, P., Kepimpinan, F., Pengurusan, D., Farhana, D., & Program Kaunseling, B. (2018). Kefahaman Beragama Dan Proses Transformasi Hubungan Pasangan Dalam Perkahwinan (Religion and Relationship Transformational Processes in Marriage). *Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 3(2), 75–91.
- Fincham, F. D., & May, R. W. (2017). Prayer and forgiveness: Beyond relationship quality and extension to marriage. *Journal of Family Psychology*, 31(6), 734–741. <https://doi.org/10.1037/fam0000331>
- Finkel, E. J., Hui, C. M., Carswell, K. L., & Larson, G. M. (2014). The Suffocation of Marriage: Climbing Mount Maslow Without Enough Oxygen. *Psychological Inquiry*, 25(1), 1–41. <https://doi.org/10.1080/1047840X.2014.863723>
- Gibson-Davis, C., Gassman-Pines, A., & Lehrman, R. (2018). “His” and “Hers”: Meeting the Economic Bar to Marriage. *Demography*, 55(6), 2321–2343. <https://doi.org/10.1007/s13524-018-0726-z>
- Godinic, D., Obrenovic, B., & Khudaykulov, A. (2020). Effects of Economic Uncertainty on Mental Health in the COVID-19 Pandemic Context: Social Identity Disturbance, Job Uncertainty and Psychological Well-Being Model. *International Journal of Innovation and Economic Development*, 6(1), 61–74. <https://doi.org/10.18775/ijied.1849-7551-7020.2015.61.2005>
- Greeff, A. P., & de Bruyne, T. A. (2000). Conflict management style and marital satisfaction.

- Journal of Sex and Marital Therapy*, 26(4), 321–334.
<https://doi.org/10.1080/009262300438724>
- Hubler, D. S., Burr, B. K., Gardner, B. C., Larzelere, R. E., & Busby, D. M. (2016). The Intergenerational Transmission of Financial Stress and Relationship Outcomes. *Marriage and Family Review*, 52(4), 373–391.
<https://doi.org/10.1080/01494929.2015.1100695>.
- Kaur, S. P. & T. (2019). FACTORS STRENGTHENING MARRIAGE : A REVIEW ON WHAT BINDS COUPLES TOGETHER Received : 27 Dec 2018 ABSTRACT Accepted : 05 Jan 2019. *International Journal of Research in Humanities, Arts and Literature*, 7(1), 27–36.
- LeBaron, A. B., Kelley, H. H., & Carroll, J. S. (2018). Money Over Marriage: Marriage Importance as a Mediator Between Materialism and Marital Satisfaction. *Journal of Family and Economic Issues*, 39(2), 337–347. <https://doi.org/10.1007/s10834-017-9563-2>
- Li, X., Cao, H., Lan, J., Ju, X., Zheng, Y., Chen, Y., Zhou, N., & Fang, X. (2019). The association between transition pattern of marital conflict resolution styles and marital quality trajectory during the early years of Chinese marriage. *Journal of Social and Personal Relationships*, 36(1), 153–186. <https://doi.org/10.1177/0265407517721380>
- Rashid, A., & Dorashid, A. (2020). Pengangguran dalam kalangan Tenaga Kerja Semasa Wabak COVID-19 Abstrak The Unemployment among Employees during Pandemic COVID-19 Abstract Pengenalalan Pengangguran Semasa Wabak COVID-19 . *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11), 1–9.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i11.539>
- Saad, S. (2015). Pembuatan keputusan kewangan pasangan melayu: hubungan antara kuasa dan sumber. *E-Bangi : Journal of Social Sciences and Humanities*, 10(2), 160–171.
- Schneider, D., Harknett, K., & Stimpson, M. (2019). Job Quality and the Educational Gradient in Entry Into Marriage and Cohabitation. *Demography*, 56(2), 451–476.
<https://doi.org/10.1007/s13524-018-0749-5>
- Siti Marziah Zakaria, Juliana Rosmidah Jaafar, Nurul Shafini Shafurdin, & Nur Diyanah Hidayat. (2018). Indikator perkahwinan berkualiti daripada pelbagai perspektif. *Proceeding of INSIGHT 2018 1st International Conference on Religion, Social Sciences and Technological Education, October*, 26–32.
- Suzana, M. H., Ba'yah, A. K. N., & Sarah, W. M. H. (2018). Kecerdasan emosi dan kepuasan perkahwinan dalam kalangan melayu bandar. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(4), 113–122.
- Theda Renanita & Jenny Lukito. (2018). Marital Satisfaction in Terms of Communication, Conflict Resolution, Sexual Intimacy, and Financial Relations among Working and Non-Working Wives. *Makara Hubs-Asia*, 1(22), 12–21.
- Wheeler, B. E., Kerpelman, J. L., & Yorgason, J. B. (2019). Economic Hardship, Financial Distress, and Marital Quality: The Role of Relational Aggression. *Journal of Family and Economic Issues*, 40(4), 658–672. <https://doi.org/10.1007/s10834-019-09632-4>